

MICT dijangka beroperasi Jun 2025

Mohd Faiz Abu Hasan

BANDARAYA MELAKA

- Terminal Kapal Persiar Antarabangsa Melaka (MICT) di Pulau Melaka dijangka memulakan operasi pada Jun tahun hadapan, kata Ketua Menteri Datuk Seri Utama Ab Rauf Yusoh.

Berkongsi perkembangan terkini pembinaan MITC, Ketua Menteri berkata kemajuan kemudahan untuk kapal persiaran antarabangsa itu kini sudah mencapai 50 peratus.

"Mengikut terma kontrak yang telah diberikan ia mesti disiapkan pada hujung tahun ini, bagaimanapun disebabkan beberapa faktor teknikal MICT akan disiapkan menjelang Jun tahun hadapan.

"Terima kasih diucapkan kepada Kementerian Pengangkutan (MOT) yang memberikan tumpuan kepada industri pengangkutan laut ini dan insya-Allah, Melaka bakal menjadi sebuah negeri industri maritim," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas merasmikan Persidangan Antarabangsa 1st Melaka International Maritime Conference (MIMEC2024) di sebuah hotel, di sini, 4 November lalu.

Hadir sama, Yang di-Pertua Negeri Melaka Ke-6



AB Rauf bersama kenamaan ketika menyempurnakan gimik perasmian MIMC 2024 di sebuah hotel di Bandaraya Melaka. Turut bersama, Menteri Pengangkutan Anthony Loke. Foto Iqmal Haqim Rosman

merangkap Pengerusi TAG Marine Sdn Bhd, Tun Datuk Seri Utama Dr. Mohd Khalil Yaakob; Menteri Pengangkutan, Anthony Loke; Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Azhar Arshad; Exco Kerja Raya, Infrastruktur, Kemudahan Awam dan Pengangkutan negeri, Datuk Hameed Mytheen Kunju

Basheer; Ketua Pegawai Eksekutif Kuala Linggi International Port (KLIP), Tan Sri Dr. Noormustafa Kamal Yahya serta kenamaan lain.

Sementara itu, Ab Rauf dalam ucapannya berkata, Kerajaan Negeri komited mahu mengembalikan kegemilangan Melaka sebagai nadi perdagangan maritim yang amat disegani suatu

ketika dahulu.

Beliau berkata, penganjuran persidangan MIMC 2024 yang julung kali diadakan menjadi antara langkah awal Kerajaan Negeri bagi merealisasikan hasrat tersebut.

Jelas beliau, persidangan yang menghimpunkan pakar bidang serta pemain-pemain industri maritim itu

Melaka Waterfront Economic Zone (SM-WEZ) iaitu satu koridor ekonomi baharu dan menyasarkan pelaburan berimpak tinggi meliputi kawasan tambakan pesisir pantai sejauh 20 kilometer.

Pada masa sama, pentadbiran beliau juga sedang memastikan proses pembangunan KLIP terus berkembang pesat dengan menawarkan pelbagai perkhidmatan maritim dan kemudahan logistik maritim kepada kapal-kapal yang melalui Selat Melaka.

"Potensi industri maritim dalam pasaran ekonomi global dianggarkan lebih 80 peratus daripada perdagangan dunia adalah bergantung kepada sektor pengangkutan laut dan industri perkapalan.

"Maka, Kerajaan Negeri Melaka tidak memandang remeh keupayaan sektor ini terutamanya dalam konteks pemulihan ekonomi pasca-pandemik dan pembangunan lestari.

"Saya percaya, keberadaan pelabuhan yang serba moden dan lengkap dengan segala fasiliti penting dalam pembangunan hab ekonomi maritim dan logistik mampu menarik minat pemain-pemain industri maritim mahupun pelabur antarabangsa datang ke pelabuhan di Negeri Melaka," katanya.

amat penting dalam membincangkan isu-isu berkaitan ekonomi maritim dan seterusnya mengadaptasikan kemajuan teknologi dan inovasi dalam sektor tersebut.

Selain itu, beliau memaklumkan, Kerajaan Negeri juga telah merangka satu zon pembangunan yang dikenali sebagai Straits Of